

Headline	FRIM bangun inovasi penggredan gaharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,785



FRIM bangun inovasi penggredan gaharu

SEBELUM ini, ramai penyelidik membuat kajian tentang gaharu bagi mencari jawapan dan penyelesaian terhadap piawaian sebenar bagi tumbuhan bernilai itu.

Ketika ini, industri gaharu kian berkembang dengan kayu bermutu tinggi boleh mencecah sehingga RM10,000.

Sehubungan itu, terdapat pengusaha yang mula mencari kayu bernilai itu dan ada juga yang cuba menanam secara semula jadi dan *inokulasi*.

Bagaimanapun, kebanyakan pengusaha atau individu terlibat dalam industri ini kurang kefahaman dalam menilai gred kayu gaharu dan, hanya mereka yang mahir sahaja mampu melaksanakan perkara terbabit.

Ini mendorong Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) mengambil inisiatif memperkenalkan satu teknik dikenali sebagai *gaharu sense* dengan menggunakan alat sensor untuk menentukan kualiti gaharu.

Ketua Program Pembangunan Produk Herba Frim, Dr Nor Azah Mohamad Ali berkata, teknik kesan bau kayu yang menggunakan alat dikenali *electronic nose* itu mampu membezakan setiap bau dan menukarkan isyarat elektronik dan integrasi ANN (Neutral Nutrien).

Menurutnya, alat yang mempunyai 32 deria itu berfungsi dengan memproses maklumat dan menukarnya dalam gred. Perkara tersebut dapat memberi kemudahan kepada pengusaha dalam menyeragamkan kayu gaharu bagi kegunaan industri.

"Inovasi *Gaharu Sense* ini dilakukan secara dalaman di mana semua proses reka bentuknya dilakukan sendiri oleh penyelidik Frim.

"Apa yang menarik, teknologi ini lebih selamat dan berkesan berbanding inovasi lain kerana ia turut disokong dengan hasil penyelidikan," katanya pada *InfoAgro*.

Beliau berkata, setakat ini Frim berjaya membangunkan inovasi *Gaharu Sense* dan mencapai objektif untuk mereka bentuk satu sistem pintar bagi pengelasan kayu gaharu.

"Adalah diharapkan inovasi ini dapat mengatasi masalah penggredan gaharu tidak seragam yang menjadi masalah utama kepada industri gaharu negara," katanya.

Inovasi ini telah mendapat pengiktirafan dalam pelbagai peringkat, sama ada tempatan mahu pun antarabangsa namun masih belum dikomersialkan sepenuhnya.



Nor Azah berkerjasama dengan rakan penyelidiknya, Mohamad Nasir dalam membangunkan teknik Gaharu Sense.